

03 NOV, 2023

‘Dengan harta aku ke syurga’



Sinar Harian, Malaysia

Biarlah segala yang dimiliki jadi wasilah untuk mendapatkan keredaan ALLAH dan menjadi bekalan akhirat



Oleh NURULFATIHA MUAH

SEBELUM menutup mata selamalamanya, jutawan muda Muslim, Ali Banat, memberikan seluruh hartanya kepada golongan memerlukan.

Pemuda warga Australia itu meninggal dunia pada 29 Mei 2018 di usia 36 tahun akibat kanser. Walaupun sudah lima tahun berlalu, namun sumbangannya tidak akan dilupakan buat selamalamanya.

Masakan tidak, sepanjang tiga tahun terakhir hayatnya bergelut dengan penyakit tersebut, beliau dengan rela hati melepaskan kereta mewah, jam tangan dan pakaian berjenama serta lain-lain hartanya untuk diinfakkan, sebagaimana dilaporkan portal berita

The International News.

“Ini hadiah kerana ALLAH memberi kesempatan bagi saya untuk berubah,” katanya menerusi video di YouTube yang pernah disiarkan oleh agensi berita BBC




USTAZAH SHALWATI

sekitar tahun 2021.

Bukan itu sahaja, beliau pernah mengunjungi Afrika dan membangunkan sebuah yayasan sosial bagi tujuan mendirikan masjid, madrasah dan membantu ibu tunggal di benua tersebut.

Rupanya keputusan Ali ada perkaitan dengan kehilangan rakannya yang meninggal akibat kanser.

Laman web finance.detik.com melaporkan, Ali Banat yang turut serta mengiringi jenazah rakannya itu sedar, tiada apa-apa yang boleh dibawa ke



HARTA benda merupakan kurniaan ALLAH SWT yang perlu disyukuri dengan cara menginfakkan ke jalan ALLAH SWT agar la melorongkan kita ke syurga-NYA.

“Dengan harta aku ke syurga”

tanah perkuburan apabila kita sudah tiada lagi di dunia.

“Bahkan, wang yang dimiliki juga tidak akan dibawa. Satu-satunya yang akan dibawa adalah amal kebajikan selama di dunia,” katanya.

Kisah itu mengingatkan penulis kepada hartawan Arab Saudi, Sulaiman Al Rajhi.

Penulis pernah mencoretkan artikel berkaitan dirinya yang menginfakkan seluruh kekayaannya untuk tujuan wakaf pada September 2020.

Pengasas bersama Bank Al Rajhi itu pernah menyumbangkan sebahagian besar hartanya untuk tujuan amal, membiayai usaha anti-kelaparan dan

pendidikan di Arab Saudi sekitar 2011.

Pada tahun itu juga, beliau memilih untuk jadi miskin buat kali ketiga apabila bapa kepada 23 anak itu memindahkan kekayaannya kepada anak-anaknya.

Pada 2013 pula, Sulaiman memindahkan 20 peratus sahamnya di Bank Al Rajhi ke sebuah dana amal yang menanggung namanya, lapor Forbes.com.

Dua ceritera berbeza, tetapi ia menyedarkan kita bahawa kekayaan yang dimiliki tidak boleh dibawa ke alam barzakh. Kisah mereka memberikan inspirasi dan mengingatkan kepada Muslim agar tidak mensia-siakan harta kurniaan ALLAH.

Ketahuilah bahawa harta boleh membawa kita ke syurga andai kita melorongkan penggunaannya ke arah itu. Bagaimanakah caranya?

Bagai sebilah pedang bermata dua

Sinar Islam melontarkan persoalan itu kepada **Penolong Pendaftar Kanan, Universiti Teknologi Mara Cawangan Kelantan, Ustazah Shalwati Ramli.**

Sebelum mengulas panjang lebar tentangnya, beliau mengajak kita untuk mendasari maksud harta menurut perspektif agama.

Jelas beliau, menurut kaca mata Islam, harta ibarat sebilah pedang yang mempunyai dua sisi.

Pendek kata, baik atau buruk kesannya bergantung kepada bagaimana manusia menggunakannya.

“Segala harta yang dimiliki perlu menjadi wasilah mendapatkan keredaan ALLAH dan menjadi bekalan kita di akhirat kelak. Islam sebagai agama yang selari dengan fitrah manusia

memandang peranan harta sebagai sesuatu keperluan asas mereka, di samping amalan ketaatan dan ibadah

yang berkait rapat dengannya.

“Harta juga boleh menjadi sebab jauhnya seseorang hamba daripada Tuhan disebabkan kelaianan dan ketamakan mengumpul harta.

“Mengertilah, berjaya atau gagalanya seseorang dalam ujian harta, semuanya tertakluk kepada cara bagaimana dia memperolehi dan membelanjakannya,” katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Jangan jadi istidraj

Mengambil ibrah daripada kekayaan yang dimiliki sahabat Nabi Muhammad SAW seperti Saidina Abu Bakar as-Siddiq, Uthman bin ‘Affan dan Abdul Rahman bin ‘Auf, jelas Ustazah Shalwati, kemewahan yang dimiliki tidak menjadi penghalang untuk mereka mendapat kemuliaan dalam Islam.

Bahkan katanya, ketiga-tiga mereka tergolong sebagai antara 10 sahabat yang dijanjikan syurga.

“Sebaliknya, Qarun yang bersifat angkuh dan sombong dengan harta dimilikinya dilaknat oleh ALLAH SWT.

“Berdasarakan dua contoh berlawanan itu, dapat dilihat bahawa baik buruk harta bukanlah terletak pada kepingan kertas mahupun logamnya, tetapi ditentukan oleh sikap pemilikinya,” untkapnya.

Kepada satu soalan, Ustazah Shalwati menjawab: “Apabila seseorang memiliki harta, tetapi tidak membelanjakannya ke jalan yang benar, orang tersebut amatlah rugi dalam mencapai darjat di sisi ALLAH SWT. Senario tersebut dinamakan istidraj.”

la selari dengan firman ALLAH SWT: “Kemudian apabila mereka melupakan apa yang diperingatkan mereka dengannya, KAMI bukakan kepada mereka pintu-pintu segala kemewahan dan kesenangan sehingga apabila mereka bergembira dan bersuka ria dengan segala nikmat yang diberikan kepada mereka, KAMI timpakan mereka secara mengejut (dengan bencana yang membinasakan), maka mereka pun berputus asa (daripada mendapat pertolongan).” (Surah al-An’am, ayat 44)

>>>BERSAMBUNG DI MUKA 20



ISLAM sebagai agama yang selari dengan fitrah manusia memandang peranan harta sebagai sesuatu keperluan asas mereka, di samping amalan ketaatan dan ibadah yang berkait rapat dengannya.

03 NOV, 2023

`Dengan harta aku ke syurga`



Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Bekas asnaf tekad ke syurga asbab berniaga

HILANG harta benda, rumah dilelong dan perniagaan lingkup berkali-kali. Katalah apa sahaja bentuk kesukaran, semua itu pernah dilalui oleh Mazlen Mahbob sehingga dirinya pernah bergelar asnaf.

Mazlen, 46, bersama suaminya, Azuddin Abdullah, 50, menceburi banyak perniagaan sejak berkahwin lebih 20 tahun lalu. Antaranya termasuklah khidmat andaman, membuka restoran



MAZLEN dan suaminya, Azuddin mengikuti program bimbingan yang disediakan Lembaga Zakat Selangor (LZS) Matah. Azuddin juga pernah mengungguli Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif bagi kategori usahawan berjaya sempena Majlis Anugerah Asnaf Cemerlang oleh LZS tahun lalu.

makanan Barat dan Korea dan catering. Bagaimanapun, ibu kepada empat cahaya mata itu akhirnya akur dengan aturan ALLAH SWT.

"Mungkin orang lihat saya ada restoran yang besar, namun hakikatnya, perniagaan merudum dan tidak mampu membayar banyak perkara.

"Masa itu juga saya tersedar, baju sekolah anak saya berwarna kekuningan jika dibandingkan dengan kawan-kawannya. Saya benar-benar tak mampu ketika itu.

"Akhirnya, saya tutup restoran. Bermulalah kehidupan saya sekeluarga menumpang di rumah ibu bapa di Wira Damai, Batu Caves, Selangor," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Batu Caves, baru-baru ini.

Selepas itu, Mazlen kembali bangkit mengusahakan perniagaan bubur secara kecil-kecilan di rumah ibu bapanya.

Dipendekkan cerita, wanita itu pada asalnya hanya memohon bantuan zakat untuk anak-anaknya termasuk keperluan lampin pakai buang seorang permata hatinya yang merupakan orang kelainan upaya (OKU).

Melihat kesungguhan mereka mengusahakan perniagaan tersebut dan potensinya, Lembaga Zakat Selangor dan Teraju Ekonomi Asnaf (Teras) turut menyuntik bantuan modal perniagaan dan kenderaan untuk

memudahkan urusan perusahaan mereka pada 2018.

Kini perniagaan yang diusahakan sejak lima tahun lalu, Ojim Food (Malaysia) Sdn Bhd semakin berkembang walaupun ada pasang surutnya.

Produk bubur bertauk jenama Ojim mempunyai lapan cawangan di sekitar Lembah Klang.

"Tidak mudah sebenarnya untuk bangunkan sebuah pasukan dalam membina perniagaan. Banyak perit getir yang dilalui.

"Kami baru diuji dengan kejatuhan jualan sebelum bulan puasa, kemalangan yang turut membabitkan kenderaan untuk menghantar bubur dan ramai pekerja berhenti.

"Untuk membangunkan semula perniagaan dengan mencari pekerja baharu, kami mengambil pendekatan tidak ambil gaji sejak bulan Mac lalu," katanya.

Dari lubuk hati yang paling dalam, Mazlen ingin kembali membayar zakat pendapatan seperti sebelum ini.

"Sekarang, saya sudah dapat pekerja baharu dan dalam proses menyiapkan akaun untuk tujuan audit. Mudahlah untuk kami melunaskan cukai dan pada masa sama, kami berharap dapat segera tunaikan zakat perniagaan," katanya.

Kepada *Sinar Islam*, Pengarah Pemasaran Jimfood (Malaysia) Sdn Bhd itu mengakui beliau takut menjadi kaya kerana banyak perkara yang bakal disoal

pada hari akhirat kelak.

"Satu prinsip saya pegang, harta tidak boleh bawa mati, tetapi kejayaan yang saya raih di dunia sama ada dari sudut ilmu mahupun kekayaan, kedua-dua itu yang akan menjadi bekalan saya pada hari akhirat nanti.

"Tiada apa-apa yang saya pinta, cukuplah jika sekadar empayar perniagaan saya berkembang dengan baik. Besar harapan saya sebenarnya mahu melihat orang Islam makan makanan yang dihasilkan sendiri oleh Muslim," tuturnya penuh harapan.

Hampir dua jam perbualan kami, butir bicara Mazlen penuh dengan nasihat kehidupan.

Barangkali asbab kesukaran dihadapi mengajarnya erti sabar dan memberi.

"Sejujurnya, saya sebenarnya buta huruf. Namun, ALLAH SWT jentik hati saya ketika berusia sekitar 30-an. Saya mula serius belajar mengaji hingganak datuk saya yang merupakan guru al-Quran sanggup turun dari Klang mengajar saya dan suami di Batu Caves," katanya yang masih menggali ilmu agama sehingga kini.



03 NOV, 2023

`Dengan harta aku ke syurga`

Sinar Harian, Malaysia



Page 3 of 3

SUMMARIES

Biarlah segala yang dimiliki jadi wasilah untuk mendapatkan keredaan ALLAH dan menjadi bekalan akhirat

SEBELUM menutup mata selamalamanya, jutawan muda Muslim, Ali Banat, memberikan seluruh hartanya kepada golongan memerlukan. Pemuda warga Australia itu meninggal dunia pada 29 Mei 2018 di usia 36 tahun akibat kanser. Walaupun sudah lima tahun berlalu, namun sumbangannya tidak akan dilupakan buat selama-lamanya.